

15/07/1998

Ambil kira masalah Asia Tenggara: PM

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia berharap kerajaan baru Jepun akan memberikan perhatian serius terhadap kegawatan ekonomi yang melanda rantau Asia Tenggara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sambil melahirkan rasa terkejutnya dengan kekalahan teruk Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto, beliau berharap pemimpin dan kerajaan baru Jepun nanti akan mengambil kira masalah di rantau ini.

"Kita terkejut jugalah yang dia kalah begitu teruk. Bagaimanapun, kita berharap kerajaan dan pemimpin baru Jepun akan mempunyai sikap mengambil kira masalah di Asia Tenggara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Bandar Tun Razak di sini, hari ini.

Hashimoto meletakkan jawatan selepas Parti Liberal Demokratik (LDP) pimpinannya tewas dalam pilihan raya Dewan Senat Jepun.

Dr Mahathir berkata, Jepun memerlukan kerajaan yang kukuh untuk mengatasi masalah ekonominya.

Sementara itu, mengenai pengakuan Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim yang mengakui kekalahan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil Parliman Arau, 4 Julai lalu, mungkin berpunca daripada kelemahannya, Perdana Menteri berkata, banyak lagi faktor lain yang menyebabkan kekalahan itu.

"Dia kata itu satu daripada sebab. Bukan kerana dia saja, banyak sebab lain," katanya.

(END)